



**PELAKSANAAN  
PROGRAM & AKTIVITI  
LOCAL AGENDA 21 PUTRAJAYA  
*2016-2017***



# **PERUTUSAN**

## **PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

**Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk LA 21 Putrajaya**

**Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,**

Alhamdulillah saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah inayahnya pelaksanaan Local Agenda 21 (LA 21) Putrajaya terus melangkah maju ke hadapan bersama komuniti dan "stakeholders" Putrajaya sejak penubuhannya pada 18 Disember 2008. Sejak persidangan Rio

Earth Summit pada tahun 1992, kepentingan pelaksanaan LA untuk merealisasikan pembangunan mampan (*sustainable development*) telah dilaksanakan oleh semua pihak berkuasa tempatan di seluruh dunia melibatkan lebih kurang 6,400 pihak berkuasa tempatan di 170 negara.

Local Agenda telah dimeterai sebagai "*global blueprint for sustainability*" di bawah Agenda 21. Kini, LA 21 telah pun dilaksanakan oleh 149 berkuasa tempatan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan diperakui ketika Sidang Kemuncak PBB mengenai kepentingan Pembangunan Mampan di New York pada tahun 2015 serta menyeru semua perbandaran dunia ke arah Agenda Perbandaran Baru (*New Urban Agenda*) 2030.

Sejak September 2015 Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu ( PBB ) telah melancarkan "*Sustainable Development Goals*" (SDG) yang mempunyai 17 prinsip dan 169 indikator. Perbadanan Putrajaya telah pun mula melaksanakan semua prinsip SDG terutamanya dalam Prinsip ke 11, Bandar Mampan, Komuniti Mampan (*Sustainable Cities, Sustainable Communities*) dan prinsip ke 17 (*Partnerships For the Goals*) bagi semua aspirasi pembangunan mampan (*Sustainable Putrajaya 2025*).

Prinsip-prinsip perancangan bandar mampan yang menekankan penglibatan komuniti dan 'stakeholders', pemerkasaan persekitaran komuniti, inisiatif bandar rendah karbon Putrajaya, menggalakkan kepelbagai sumber ekonomi dan pengukuhan sektor pelancongan sebagai asas ekonomi bandar utama , pelaksanaan pengurusan gunatanah yang responsif dan berdaya maju serta galakan penglibatan rakan strategik (*partnerships*) adalah usaha terus Perbadanan Putrajaya dalam menjadikan Putrajaya lebih berdaya huni (*liveable*) dan bersemangat (*vibrant*).

Prinsip LA 21 yang menekankan persefakatan dan "*partnerships*" antara pihak berkuasa tempatan (Perbadanan Putrajaya), komuniti / stakeholders, dan pihak swasta merupakan satu pendekatan yang boleh meningkatkan lagi kualiti sistem "*urban governance*" Perbadanan Putrajaya. Selaras dengan aspirasi Rancangan Struktur Putrajaya 2025, Putrajaya kini sedang menuju transformasi ke arah Bandaraya Hijau Mampan 2025. Perbadanan Putrajaya juga berhasrat untuk merealisasikan pencapaian ke arah Bandaraya Bestari (*Smart City*) dengan penekanan kepada penggunaan teknologi dan "*Internet*



of Things" (IOT) serta melahirkan komuniti bestari (*Smart Community*) yang menyokong ke arah pencapaian visi ini.


Saya ingin mengajak komuniti, agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah, wakil-wakil NGO, rakan-rakan dari pihak swasta untuk sama-sama terlibat bagi menjayakan aktiviti-aktiviti berkaitan LA21. Keberkesanan dan manfaat aktiviti-aktiviti yang direncanakan tidak akan dapat dicapai tanpa penglibatan semua. Kata sepakat, bekerjasama dan buah fikiran yang boleh diperolehi dalam melaksanakan aktiviti berkaitan LA21 ini bukan sahaja menjadikan Putrajaya menjadi bandar yang sejahtera, malah akan membangun sebuah generasi yang sentiasa moden, berdaya tahan (*resilient*), berdaya sumber (*resourceful*) dan sentiasa memandang kehadapan.

Penglibatan komuniti dan *stakeholders* Putrajaya dalam program-program inisiatif bandar rendah karbon diharap dapat menggalakkan gaya hidup hijau (*green lifestyle*) melalui program *Putrajaya Urban Farming*, penternakan madu kelulut, inisiatif galakan penggunaan pengangkutan rendah karbon yang menerapkan penggunaan bas elektrik, laluan pejalan kaki dan berbasikal, penjimatan tenaga, dan galakan tenaga diperbaharui (*renewable energy*) di kalangan komuniti dan "*stakeholders*". Kempen kesedaran untuk mewujudkan model komuniti rendah karbon juga diterapkan di kalangan generasi muda Putrajaya melalui program-program LA 21 Putrajaya bagi memberi kesedaran akan perubahan iklim global seperti program Membina Hijau, program "*Greening For Sustainable Future*", dan program "*Green Rose*". Program-program amalan kitar semula dan program 3R juga telah dilaksanakan dengan meluas menerusi prinsip LA 21 Putrajaya bagi mencapai salah satu matlamat "*Putrajaya Green City 2025*" bagi mengurangkan penjanaan sisa pepejal sehingga 50% menjelang 2025.

Bagi melahirkan komuniti bestari (*Smart Community*), pelbagai aspek yang dapat meningkatkan kualiti hidup warga Putrajaya telah dilaksanakan dengan konsep persepakatan LA 21 Putrajaya. Program-program agenda keselamatan seperti program kesedaran remaja akan ancaman gejala sosial, seminar sekolah selamat telah diadakan. Program-program kesihatan, pembangunan pendidikan dan pemantapan jati diri warga Putrajaya seperti Karnival pendidikan, Seminar Keibubapaan dan Bicara Agama juga diadakan bagi menghasilkan generasi muda dan generasi semasa serta golongan warga emas Putrajaya supaya lebih mantap dari segi sahsiah, moral, jasmani dan rohani. Saya ingin menyeru supaya program-program pembentukan komuniti bestari yang inovatif dan kreatif selaras dengan perkembangan teknologi di era revolusi industri 4.0 juga dipertingkatkan dari semasa ke semasa ke arah mencapai visi Smart Putrajaya.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan program-program LA 21 Putrajaya. Adalah menjadi harapan saya agar pelaksanaan program-program LA 21 Putrajaya dapat dipertingkatkan lagi dengan pelbagai inisiatif dan inovasi baru dan berasaskan kepentingan warga Putrajaya seluruhnya pada masa kini dan akan datang.

Sekian, Wasalam



DATUK DR AMINUDDIN BIN HASSIM  
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA



# **KATA-KATA ALUAN**

## **NAIB PRESIDEN JABATAN PERANCANGAN BANDAR**

**( Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Induk LA 21 Putrajaya )**

**Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,**

Alhamdulillah syukur kita ke hadrat illahi. Syabas dan terima kasih kepada Urusetia LA 21 Putrajaya kerana telah menerbitkan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program LA 21 Putrajaya ini. Penertiban

Laporan ini akan membolehkan perkongsian maklumat aktiviti-aktiviti LA 21 Putrajaya dengan semua rakan kongsi LA 21 Putrajaya dari kalangan warga komuniti, agensi awam, sektor swasta, NGO dan juga semua 'stakeholders' Putrajaya. Laporan ini juga adalah usaha bagi pembangunan promosi dan imej LA 21 Putrajaya. Selaras dengan dasar yang dilancarkan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu ( PBB ) yang melancarkan New Urban Agenda – Dasar Perbandaran Baru di mana semua orang yang mempunyai hak dan akses sama rata kepada manfaat dan peluang sesuatu perbandaran boleh tawarkan.

Dalam era peningkatan pembandaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini, dan dalam konteks Agenda Untuk Pembangunan Mampan 2030, Perjanjian Paris, dan perjanjian pembangunan dan rangka kerja global yang lain, kita telah sampai ke satu tahap kritikal dalam memahami bahawa bandar-bandar boleh menjadi sumber penyelesaian, dan bukan punca kepada pelbagai cabaran yang sedang dihadapi dunia kita hari ini. Jika dirancang dan diurus dengan baik, pembandaran boleh menjadi alat yang berkuasa untuk pembangunan mampan bagi negara membangun dan juga maju. Masyarakat dan warga sesuatu perbandaran merupakan aset penting yang harus diambilkira penglibatan dan "engagement" dan "empowerment" dalam merealisasikan Agenda Perbandaran Baru ini.

Sepanjang tempoh 9 tahun ini sejak Disember 2008, pelaksanaan program-program LA 21 Putrajaya telah dibentuk berasaskan agenda-agenda penting ke arah Putrajaya mampan iaitu merangkumi agenda inisiatif hijau dan bandar karbon rendah, agenda keselamatan, agenda pendidikan, agenda kesihatan komuniti, agenda ekonomi dan keusahawanan serta agenda golongan generasi muda dan belia Putrajaya. Agenda warga emas dan golongan wanita juga turut diberikan penekanan dalam semua program yang dilaksanakan. Syabas diucapkan kerana beberapa program LA 21 Putrajaya iaitu program Pertanian Bandar ( Putrajaya Urban Farming ) telah mendapat pengiktirafan Anugerah Kejiranan Hijau PLAN Malaysia pada tahun 2016, mendapat Anugerah MIP Think City pada tahun 2016 dan juga Anugerah ILAM 2016. Program kreativiti 3R produk kitar semula beg banner dan semua produk kitar semula telah berjaya merangkul tiga ( 3 ) pingat emas dalam pertandingan Malaysian Productivity Corporation ( MPC ) tahun 2017 iaitu peringkat Wilayah, peringkat Kebangsaan dan peringkat Asean di Padang Indonesia.



Program-program inisiatif teknologi hijau dan bandar karbon rendah Putrajaya juga akan terus digiatkan lagi untuk memberi kesedaran kepada warga komuniti Putrajaya dan 'stakeholders' supaya mengamalkan amalan gaya hidup hijau (go green). Pembangunan sahsiah dan kualiti masyarakat sejahtera melalui agenda pendidikan, agenda kesihatan dan agenda keselamatan komuniti juga akan terus dilaksanakan melalui konsep persepakatan LA 21 Putrajaya. Bagi menjamin kesinambungan sumbangan warga emas Putrajaya dan didikan generasi muda Putrajaya, program-program yang boleh memanfaatkan golongan ini akan dilaksanakan melalui prinsip LA 21 dengan kerjasama institusi-institusi pengajian tinggi yang turut sama menyokong pelaksanaan program LA 21 Putrajaya selama ini sebagai rakan strategic. Siri-siri capacity building dan lawatan 'benchmarking' bagi mempelajari amalan terbaik program-program agenda tempatan di pihak berkuasa tempatan lain di dalam dan luar negara akan diteruskan bagi memantapkan lagi pasukan kerja LA 21 Putrajaya. Putrajaya juga akan terus mengorak langkah dari Bandaraya Taman ke Bandaraya Mampan Hijau dan di era revolusi industri 4.0 ini penggunaan *Internet of Things* ( IOT) akan terus diberi penekanan untuk meningkatkan perkhidmatan perbandaran. Perbadanan Putrajaya juga berharap untuk meningkatkan infrastruktur ICT dan melahirkan komuniti bestari ( smart community ) yang peka , IT oriented participative dan menyokong sepenuhnya aspirasi Putrajaya mampan 2025.

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan kongsi, 'stakeholders', NGO, sekolah dan Urusetia LA 21 Putrajaya yang telah menjayakan program-program LA 21 Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

**DATO FADLUN BIN MAK UJUD**  
NAIB PRESIDEN JABATAN PERANCANGAN BANDAR







**LA21** PUTRAJAYA  
Komuniti Lestari

**PELAPORAN  
PELAKSANAAN PROGRAM &  
AKTIVITI**

LOCAL AGENDA 21 PUTRAJAYA

**2016**

# MAJLIS PENUTUP

## PROGRAM SLIM SHAPE PUTRAJAYA 2015: "AN EVENING OF SUCCESS" [JARINGAN KERJASAMA PPT DAN FALKUTI SAINS KESIHATAN UKM]

### LOKASI

Dewan Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya

### TARIKH

29 Januari 2016

### JUMLAH PESERTA

200 orang

### OBJEKTIF PROGRAM

Memberi anugerah dan penghargaan kepada peserta Program Slim Shape Putrajaya yang telah berjaya menurunkan berat badan di dalam katagori yang telah ditetapkan. Program agenda penjagaan kesihatan komuniti.

### MANFAAT DAN HASIL PROGRAM

- Peserta program mendapat nilai tambah pengurangan berat badan dan mengetahui teknik amalan pemakanan yang seimbang.
- Lebih 50% peserta telah berjaya mengurangkan berat badan antara 1kg - 15kg.







10

LAPORAN LA 21 PUTRAJAYA | 2016



# **PROGRAM MY SKOOLPRO PUTRAJAYA 2016**

## **LOKASI**

Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1)

Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 16(1)

## **TARIKH**

Julai hingga November 2016

## **JUMLAH PESERTA**

Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1) : 77 Orang

Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 16(1) : 68 orang

## **OBJEKTIF PROGRAM**

- Jalinan kerjasama PPT dan Jabatan Pendidikan Putrajaya dan Pejabat Kesihatan Putrajaya;
- Memberi intervensi pemakanan sihat dan aktiviti fizikal kepada kumpulan sasar bagi menangani masalah obesiti di kalangan pelajar sekolah rendah di Putrajaya;
- Menilai perubahan pengetahuan, sikap dan amalan pelajar sekolah rendah melalui intervensi pemakanan sihat dan aktiviti fizikal; dan
- Menilai perubahan pengetahuan, sikap dan amalan di kalangan ibu bapa.

## **MANFAAT DAN HASIL PROGRAM**

Generasi muda putrajaya memahami amalan pemakanan seimbang dan kepentingan mengekalkan berat badan “ideal” untuk kesihatan fizikal dan kecerdasan minda.



# **SEMINAR**

## **KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN**

## **PUTRAJAYA 2016**

### **LOKASI**

Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya

### **TARIKH**

23 Januari 2016

### **JUMLAH PESERTA**

700 orang Program dengan jaringan kerjasama Jabatan Pendidikan Putrajaya dan Majlis Pemuafakatan PIBG Putrajaya dan SMK Presint 16(1).

### **OBJEKTIF PROGRAM**

Berkongsi ilmu bersama ibubapa berkenaan “parenting skills” yang menyeluruh dan mantap bagi membentuk anak mereka agar menjadi insan yang mampu berdaya saing, mempunyai akhlak dan etika hidup yang tinggi, berketrampilan, berkualiti dan ketangkasan jasmani yang mampu berdaya saing yang mencabar serta dalam arus pembangunan global.

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Pembangunan minda ibu bapa warga komuniti Putrajaya di tingkatkan dengan pengisian ilmu dan kemahiran keibubapaan.
- Sasaran keluarga yang bahagia dan mantap untuk membentuk masyarakat sejahtera.







14

LAPORAN LA 21 PUTRAJAYA | 2016

# KARNIVAL KERJAYA PUTRAJAYA 2016

## LOKASI

Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya

## TARIKH

8 & 9 Mac 2016

## JUMLAH PESERTA

2000 orang Program dengan jaringan kerjasama Jabatan Pendidikan Putrajaya, Muafakat PIBG dan Essence Education, dan SMK Presint 16(1).

## OBJEKTIF PROGRAM

- Menimbulkan minat dan kecenderungan pelajar melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.
- Membantu pelajar membuat pilihan yang tepat bidang kemahiran dan kerjaya yang akan diceburi.
- Meningkatkan motivasi supaya pelajar Tingkatan Lima (5) lebih bersedia menghadapi SPM dan memberi pengetahuan kepada ibubapa dan ahli keluarga dan masyarakat mengenai peluang pendidikan dan kerjaya bagi lepasan sekolah.

## MANFAAT DAN HASIL PROGRAM

Membuka peluang kepada anak-anak Warga Komuniti Putrajaya mengetahui peluang melanjutkan pengajian di IPTA dan PTS, mengetahui agensi bantuan pinjaman biasiswa dan lain-lain berkaitan.



# KEM SMART

## LEARNING SKOR A+ ADDMATHS

### LOKASI

Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya

### TARIKH

22 & 23 April 2016

### JUMLAH PESERTA

450 orang Program jaringan kerjasama Jabatan Pendidikan Putrajaya.

### OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pendedahan berhubung teknik bijak menguasai pembelajaran Matematik Tambahan (Add Maths) kepada para pelajar Tingkatan 5 Sekolah-sekolah Menengah di Putrajaya dan anak-anak ahli KRISPUTRA, dalam usaha mempertingkatkan pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan SPM 2016.

### MANFAAT DAN HASIL PROGRAM

Para pelajar tingkatan 5 daripada 11 buah Sekolah Menengah Putrajaya dapat berpeluang belajar dengan bimbingan guru-guru pakar yang secara langsung meningkatkan prestasi subjek ini.







# **FORUM SEMPENA SAMBUTAN HARI IBU**

## **LOKASI**

Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya

## **TARIKH**

18 Mei 2016

## **JUMLAH PESERTA**

600 orang Program dengan kerjasama puspanita KWP, PPJ dan Badan Kebajikan Mutiara Putrajaya.

## **OBJEKTIF PROGRAM**

Mendorong masyarakat terutamanya golongan ibu agar lebih menghargai dan menghayati tanggungjawab sebagai seorang ibu di dalam membentuk hala tuju sesebuah keluarga serta sebagai pengukuh ikatan kekeluargaan.





## BICARA NUR RAMADHAN: KEPADAMU KEKASIH

### LOKASI

Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya

### TARIKH

9 Jun 2016

### JUMLAH PESERTA

600 orang terdiri daripada wakil persatuan pendidikan, wakil agensi dan warga PPJ.

### OBJEKTIF PROGRAM

- Menerapkan prinsip dan nilai-nilai taqwa di dalam seluruh aspek kehidupan, di kalangan komuniti Putrajaya
- Melahirkan warga dan modal insan Putrajaya yang lebih berlitzam ke arah meningkatkan disiplin kerohanian menerusi pengukuhkan tahap pemahaman dan penghayatan Islam secara seimbang duniawi dan ukhrawi.









## **PROGRAM BUBUR LAMBUK AMAL MEDIA (SEMPENA FESTIVAL RAMADHAN PUTRAJAYA 2016)**

### **LOKASI**

Kompleks Perbadanan Putrajaya

### **TARIKH**

22 Jun 2016 daripada Persatuan Penduduk dan juga warga PPJ.

### **JUMLAH PESERTA**

100 orang

### **FAKTA PROGRAM**

- Program bersempena penganjuran Festival Ramadhan Putrajaya 2016 dan sambutan Nuzul Quran 1437H
- Anjuran kerjasama Jawatankuasa Induk festival, Local Agenda 21 Putrajaya, Pegawai Muda, Kelab Krisputra dan PUSPANITA Cawangan Kecil PPj

# KEM SMART

## LEARNING A+ : KIMIA & BIOLOGI

### LOKASI

Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya

### TARIKH


17 & 18 Julai 2016



### JUMLAH PESERTA

200 orang

### OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pendedahan berhubung teknik bijak menguasai pembelajaran Kimia dan Biologi kepada para pelajar Tingkatan 5 Sekolah-sekolah Menengah di Putrajaya dan anak-anak ahli KRISPUTRA, dalam usaha mempertingkatkan pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan SPM 2016.







26

LAPORAN LA 21 PUTRAJAYA | 2016

# SEMINAR DIDIK RAKYAT: SPM

## LOKASI

Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya

## TARIKH

6 Ogos 2016

## JUMLAH PESERTA

400 orang

## OBJEKTIF PROGRAM

- Membantu para pelajar di Tingkatan 5 membuat persiapan intensif bagi menduduki SPM. Pelajar-pelajar akan didedahkan dengan teknik belajar dan kaedah menjawab soalan dibawah bimbingan guru-guru yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam matapelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.
- Ia merupakan program kesinambungan kerjasama diantara Local Agenda 21 (LA 21) Putrajaya dan Yayasan Bank Rakyat.



# SEMINAR DIDIK RAKYAT: UPSR

## LOKASI

Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya

## TARIKH

7 Ogos 2016

## JUMLAH PESERTA


400 orang

## OBJEKTIF PROGRAM

- Membantu para pelajar di Tahun 6 membuat persiapan intensif bagi menduduki UPSR. Pelajar-pelajar akan didedahkan dengan teknik belajar dan kaedah menjawab soalan dibawah bimbingan guru-guru yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam matapelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.
- Ia merupakan program kerjasama diantara LA 21 Putrajaya dan Yayasan Bank Rakyat.







# HARI TERBUKA

## INCUBATOR@PJH : PROGRAM KEUSAHAANAN LA21 PUTRAJAYA

### LOKASI

Startup Hub @ PJH, Menara PJH

### TARIKH

6 September 2016


### JUMLAH PESERTA

50 orang dari kalangan warga Putrajaya dan warga PPJ.

### OBJEKTIF PROGRAM

- Menggalakkan Komuniti Putrajaya untuk menceburι bidang keusahawanan dalam usaha mengubah dan meningkatkan taraf hidup komuniti.
- Antara pengisian program termasuk forum, sesi perkongsian ilmu, pameran agensi teknikal, dana bank, peluang perniagaan dan lain-lain.
- Program ini dapat memanfaatkan warga Putrajaya di kalangan belia wanita, warga emas Putrajaya.





# KARNIVAL PENDIDIKAN PUTRAJAYA 2016 DAN 1<sup>ST</sup> INTERNATIONAL JUNIOR CHEM-E CAR COMPETITION

## LOKASI

Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya

## TARIKH

8 & 9 November 2016

## JUMLAH PESERTA

1000 orang

## OBJEKTIF PROGRAM

Memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia dengan memberi tumpuan terhadap akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian, mengukuhkan perpaduan di kalangan murid, serta mengoptimumkan kecekapan sistem pendidikan.



# **PROGRAM SOLAT SUBUH BERJEMAAH**

## **LOKASI**

Surau Al-Munawarah dan Surau Al-Muttaqin ( Presint 5 )  
Surau Al-Mizan dan Surau Al-Amin ( Presint 8 )  
Surau An Najjah dan Surau Al-Muhajirin ( Presint 9 )  
Surau Al-Furqan ( Presint 11 )  
Surau Al-Manar ( Presint 14 )  
Surau Ar-Rahman ( Presint 16 )

## **TARIKH**

Januari hingga November 2016 ( Hari Persekolahan )

## **OBJEKTIF PROGRAM**

Mendidik anak-anak kecil dan pelajar sekolah mendekati surau/masjid serta menggalakkan penyertaan penduduk tempatan (komuniti Putrajaya) khasnya dan sekitar Putrajaya amnya untuk mengerjakan solat secara berjemaah.





25 Mac 2016





## MAJLIS MALAM MESRA LOCAL AGENDA 21 PUTRAJAYA

### LOKASI

Hotel Pullman Putrajaya Lakeside,  
Putrajaya

### TARIKH

25 Mac 2016

### JUMLAH PESERTA

300 orang

### OBJEKTIF PROGRAM

- Menghargai kerjasama, usaha dan jasa baik komuniti dan rakan-rakan kongsi strategik Local Agenda 21 Putrajaya dalam sumbangan bakti bersama-sama Perbadanan Putrajaya ke arah peningkatan prestasi kemampunan bandar Putrajaya, menerusi program-program Agenda Tempatan.
- Mempromosikan imej Local Agenda 21 Putrajaya dan juga meningkatkan lagi komitmen Perbadanan Putrajaya dalam galakan "community participation, empowerment dan engagement" yang akan diukur dalam pencapaian pembentukan bandar mampan dan komuniti mampan Putrajaya 2020.



# REBRANDING LAB LA21 PUTRAJAYA

## LOKASI

Kelab Tasik Putrajaya, Presint 8

## TARIKH

4 Mei 2016

## JUMLAH PESERTA

100 orang

## OBJEKTIF PROGRAM

Mengkaji semula susulan hala tuju perjalanan LA21 Putrajaya dan dijadikan sebagai platform kepada semua jawatankuasa Local Agenda 21 Putrajaya bersama-sama pihak rakan-rakan kongsi strategik untuk percambahan idea dan aspirasi secara terbuka, bagi memperkasakan lagi Program Local Agenda 21 di Putrajaya.

Hasil daripada Lab ini, program-program Agenda tempatan telah dilaksana mengikut Agenda-agenda berikut:-

- (i) Agenda Pendidikan
- (ii) Agenda Sejahtera
- (iii) Agenda Inisitif Hijau
- (iv) Agenda 3R / Kita Semula
- (v) Agenda Keusahawanan
- (vi) Agenda Wanita
- (vii) Agenda Keselamatan Komuniti







40

LAPORAN LA 21 PUTRAJAYA | 2016

# KEMBARA EKSPLORASI ILMU LA21 PUTRAJAYA: EDISI SELATAN

## LOKASI

Melaka & Johor

## TARIKH

4 hingga 7 Disember 2016

## JUMLAH PESERTA

45 orang

## OBJEKTIF PROGRAM

- Mempelajari amalan perkongsian pintar dan 'best practises' agenda bandar mampan melalui program-program Local Agenda 21 oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bandar-bandar/daerah lain seluruh Malaysia / luar negara
- Merupakan siri latihan dan pembangunan kapasiti kepada ahli-ahli jawatankuasa LA21 Putrajaya dan juga wakil-wakil rakan kongsi aktif dari kalangan agensi awam, komuniti, sekolah, badan NGO dan rakan sektor swasta.

## MANFAAT DAN HASIL PROGRAM

- Hasil lawatan ke kawasan penternakan kelulut di Melaka, wakil komuniti Putrajaya telah melaksanakan program penternakan kelulut di Presint 9 dan presint 15.
- Satu lagi program yang di pelajari ialah program Agenda Pendidikan Johor (Johor Youth Leader).
- Putrajaya dengan kerjasama Yayasan Dana Muslim Malaysia telah melaksanakan program Putrajaya Youth Leader. LA 21 Putrajaya juga memberikan kerjasama dalam program ini.





## LAWATAN KE TAPAK PELUPUSAN SAMPAH

### LOKASI

Tapak Pelupusan Sampah Jeram Selangor

### TARIKH

30 April 2016

### JUMLAH PESERTA

120 orang dari beberapa pelajar Sekolah Kebangsaan Putrajaya.

### OBJEKTIF PROGRAM

Hasil lawatan ini diharapkan dapat memberi pengalaman kepada peserta terhadap aktiviti-aktiviti di tapak perlupusan yang menjalankan proses perlupusan bahan-bahan buangan, antaranya pengasingan toksik dan proses rawatan bagi memastikan hasil buangan tidak memudaratkan persekitaran.







# BENGKEL 'UP-CYCLE'

## LOKASI

Taman Wetland, Putrajaya

## TARIKH

7 Mei 2016 (Sabtu)

## JUMLAH PESERTA

120 orang (20 sekolah)

## OBJEKTIF PROGRAM

- Membuka minda para pelajar untuk menggunakan semula barang-barang bagi tujuan kitar semula bagi menghasilkan produk baru disamping mengurangkan sampah ke tapak pelupusan.
- Memupuk generasi yang prihatin terhadap bahan buangan @ terpakai melalui aktiviti kitar semula & manfaatkannya bagi kesejahteraan alam sekitar.
- Penghasilan produk seperti sabun, lilin, beg, kitar semula bekas pensel dan lain-lain.



# 'WETLAND RACE'

## LOKASI

Taman Wetland Putrajaya

## TARIKH

6 Ogos 2016

## JUMLAH PESERTA

100 orang

## OBJEKTIF PROGRAM

- Aktiviti dijalankan mengikut kumpulan dengan menggunakan basikal dan peta bagi menguji keupayaan serta meningkatkan pengetahuan peserta berhubung alam persekitaran amnya dan Taman Wetland khasnya. Peserta diuji melalui soalan-soalan yang telah diberikan di setiap 'check point'.
- Menarik minat para pelajar dengan cara yang lebih menarik iaitu melalui berbasikal. Aktiviti berbasikal juga merupakan pengangkutan karbon rendah yang digalakkan di Putrajaya.







48

LAPORAN LA 21 PUTRAJAYA | 2016

# ASAS PENANAMAN HERBA & SAYURAN

## LOKASI

Taman Botani Fasa 2, Putrajaya

## TARIKH

20 Ogos 2016

## JUMLAH PESERTA

120 orang daripada sekolah-sekolah Putrajaya.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Para pelajar dapat mempelajari teknik baru untuk menanam sayur – sayuran dan pokok-pokok herba dengan cara yang mudah dijaga.
- Para pelajar dapat menjimatkan kos dengan menggunakan barang – barang terbuang seperti botol plastik yang akan digunakan sebagai “planter”.



# PENGENALAN KEPADА GREENOVATION

## LOKASI

Startup Hub @ PjH

## TARIKH

3 September 2016

## JUMLAH PESERTA

120 orang

## OBJEKTIF PROGRAM

Menyemaikan prinsip cintakan alam sekitar kepada para pelajar melalui pemahaman kepada masalah sisa yang menjadi punca utama yang berlaku di sekeliling kita; dan supaya usaha-usaha dan tindakan-tindakan mereka apabila dewasa kelak akan mengambil kira tentang kesan-kesan terhadap alam sekitar ke arah pembangunan dan peka kepada pemeliharaan kualiti alam sekitar.







# **PEMILIHAN AKHIR**

## **3 SEKOLAH TERBAIK**

### **LOKASI**

Bilik Mesyuarat Dahlia, Kompleks PPj, Putrajaya

### **TARIKH**

4 November 2016

### **JUMLAH PESERTA**

90 pelajar (15 sekolah)

### **OBJEKTIF PROGRAM**

Memilih sekolah terbaik yang telah mengaplikasi program yang telah dipelajari dan digunakan di sekolah masing-masing



# **ANUGERAH MEMBINA HIJAU 2016**

## **LOKASI**

Hotel Everly Putrajaya

## **TARIKH**

18 November 2016

## **JUMLAH PESERTA**

120 pelajar

## **OBJEKTIF PROGRAM**

Memberi penghargaan & pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang komited sepanjang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dalam Program Membina Hijau sepanjang tahun 2016.

## **TUJUAN PROGRAM**

Membina hijau adalah program untuk menanam amalan menghargai alam sekitar, pokok dan amalan inisiatif hijau di kalangan generasi muda di Putrajaya.

**Tarikh : 18 November 2016**  
**Tempat : Hotel Everly, Putrajaya**







# **PROGRAM**

## **PUTRAJAYA URBAN FARMING**

### **TANAMAN GREEN HOUSE KEBUN**

### **KOMUNITI 1 & 2 PRESINT 8 & 9 MUSIM**

### **KE 5**

#### **LOKASI**

Kebun Komuniti 1 & 2, Presint 8 & 9, Putrajaya

#### **TARIKH**

Jan – Feb 2016

#### **JUMLAH PESERTA**

55 orang

#### **OBJEKTIF PROGRAM**

Sayur-sayuran kalian, sawi, bayam & kangkung yang disemai pada Januari 2016 dan telah dituai secara berperingkat sehingga Februari 2016.



# **PROGRAM PUTRAJAYA URBAN FARMING TANAMAN GREEN HOUSE KEBUN KOMUNITI 1 & 2 PRESINT 8 & 9 MUSIM KE 6**

## **LOKASI**

Kebun Komuniti 1 & 2, Presint 8 & 9, Putrajaya

## **TARIKH**

Mac - Jun 2016

## **JUMLAH PESERTA**

55 orang

## **OBJEKTIF PROGRAM**

Rock melon yang disemai pada April 2016 dan telah mula dituai pada pertengahan Jun 2016.







# **PROGRAM**

## **PUTRAJAYA URBAN FARMING**

### **TANAMAN GREEN HOUSE KEBUN**

### **KOMUNITI 1 & 2 PRESINT 8 & 9**

### **MUSIM KE 7**

#### **LOKASI**

Kebun Komuniti 1 & 2, Presint 8 & 9, Putrajaya

#### **TARIKH**

September - Disember 2016

#### **JUMLAH PESERTA**

60 orang

#### **OBJEKTIF PROGRAM**

- KK1 Presint 9 – Tanaman cili telah disemai pada September 2016 dan dijangka dapat dituai sehingga 6 bulan.
- KK2 Presint 8 - Rock melon yang disemai pada September 2016 dan telah mula dituai pada pertengahan November 2016.



# **PROGRAM**

## **PUTRAJAYA URBAN FARMING**

### **KURSUS PENGENALAN PERTANIAN BANDAR**

#### **LOKASI**

Dewan Sri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya

#### **TARIKH**

31 Mei 2016

#### **JUMLAH PESERTA**

50 orang

#### **OBJEKTIF PROGRAM**

Kursus Pengurusan Tanaman, Putrajaya Urban Farming, Siri 3/2016 telah dihadiri dari kalangan peserta kebun dan komuniti Putrajaya yang berpotensi terlibat dalam PUF.







# **PROGRAM**

## **PUTRAJAYA URBAN FARMING**

### **LAWATAN DARI PPR SRI PERLIS**

#### **LOKASI**

Kebun Komuniti 2, Presint 8

#### **TARIKH**

3 Jun 2016

#### **JUMLAH PESERTA**

30 orang

#### **OBJEKTIF PROGRAM**

Lawatan dari penduduk PPR Sri Perlis melalui Jabatan Pertanian Putrajaya Bahagian Pertanian Bandar ke Kebun Komuniti 2 untuk melihat model program Pertanian Bandar Putrajaya.



# **PROGRAM**

## **PUTRAJAYA URBAN FARMING**

### **LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH**

#### **LOKASI**

Kebun Komuniti 2, Presint 8

#### **TARIKH**

27 Mei 2016

#### **JUMLAH PESERTA**

30 orang

#### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Lawatan kakitangan Majlis Perbandaran Kulim (MPK) ke Perbadanan Putrajaya pada 26 Mei 2016 adalah bertujuan untuk membalas kunjungan balas kakitangan Perbadanan ke MPK. Lawatan ke Kebun Komuniti 2 untuk melihat model program Pertanian Bandar Putrajaya. Taklimat diadakan di Bilik Mesyuarat Tanjung.
- Lawatan ke Kebun Komuniti 2 Presint 8 berkaitan urban farming telah diadakan pada 27 Mei 2016.









# **PROGRAM**

**PUTRAJAYA URBAN FARMING**  
**LAWATAN DARI OHIO UNIVERSITY**  
**AMERIKA SYARIKAT**

**LOKASI**

Kebun Komuniti 2, Presint 8

**TARIKH**

19 Mei 2016

**JUMLAH PESERTA**

30 orang

**OBJEKTIF PROGRAM**

Lawatan professor dan pelajar dari Universiti Ohio Amerika Syarikat, dari fakulti sains penuaan (elderly community specialist) bagi meninjau program yang melibatkan warga emas di Putrajaya.



# **PROGRAM**

## **JUNIOR ZOOKEEPER FOR A DAY**

### **LOKASI**

Zoo Negara, Kuala Lumpur

### **TARIKH**


10 April 2016 ( Siri 1 )

### **JUMLAH PESERTA**

32 orang

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Memberi pengalaman mengenali habitat fauna di Zoo melalui penglibatan para pelajar dalam tugas-tugas penjaga zoo (zookeeper) seperti penyediaan makanan untuk haiwan, membersihkan kawasan kandang haiwan dan membuat alat-alat pengayaan haiwan (enrichment tools)
- Mempelajari fakta-fakta menarik tentang haiwan di zoo dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap kepentingan fauna dalam ekosistem semulajadi.







72

LAPORAN LA 21 PUTRAJAYA | 2016



# KEMBARA MUDA RAKYAT 2016: PANTAI TIMUR

## LOKASI

Pantai Timur

## TARIKH

29 Mei - 2 Jun 2016

## JUMLAH PESERTA

25 orang pelajar dari sekolah-sekolah Putrajaya

## OBJEKTIF PROGRAM

- Kerjasama pintar antara Yayasan Bank Rakyat, Local Agenda 21 Putrajaya, Local Agenda 21 Kuala Lumpur, Pesona Negeri Terengganu dan LESTARI UKM yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan hubung kait pendidikan di dalam bilik darjah dan realiti kehidupan.
- Menerapkan ilmu-ilmu keusahawanan didalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan, dalam usaha melahirkan usahawan-usahawan muda yang akan menjana ekonomi Negara pada masa akan datang





# PROGRAM

## JUNIOR ZOOKEEPER FOR A DAY

### LOKASI

Zoo Negara, Kuala Lumpur

### TARIKH

1 Jun 2016 ( Siri 2 )

### JUMLAH PESERTA

30 orang

### OBJEKTIF PROGRAM

- Memberi pengalaman mengenali habitat fauna di Zoo melalui penglibatan para pelajar dalam tugas-tugas penjaga zoo (zookeeper) seperti penyediaan makanan untuk haiwan, membersihkan kawasan kandang haiwan dan membuat alat-alat pengayaan haiwan (enrichment tools)
- Mempelajari fakta-fakta menarik tentang haiwan di zoo dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap kepentingan fauna dalam ekosistem semulajadi.







76

LAPORAN LA 21 PUTRAJAYA | 2016

# PELANCARAN

TONG KITAR SEMULA PUTRAJAYA (2 BIN SYSTEM) BERSEMPENA  
HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2016

## LOKASI

Pusat Rekreasi Air, Taman Wetlands

## TARIKH

22 Oktober 2016

PPJ telah melancarkan "2 bin system" bagi menggalakkan komuniti mengasingkan sisa-sisa domestik dengan lebih mudah di mana sisa organik dalam satu tong dan lain-lain bahan seperti plastik dapat diasingkan dalam tong yang kedua.



# PAMERAN KITAR SEMULA

## LOKASI

Karnival Hot Air Balloon, Presint 3

## TARIKH

12 & 13 Mac 2016

## JUMLAH PESERTA

1000 orang dari kalangan komuniti Putrajaya dan pelawat.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Memperkenalkan Pusat Kitar Semula (PKS) di Putrajaya dan Putrajaya sebagai 'Bandar Model Kitar Semula' dan 'Penduduk Putrajaya Peneraju Kitar Semula'
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# **TAKLIMAT DAN PAMERAN**

**SERTA PROGRAM BERSEPADU ANTARA SMKPP16(1) PERSATUAN  
PENDUDUK DAN PPJ SEMPENA PELANCARAN PROGRAM 'JOM KITAR  
SEMULA' DI APARTMENT KEJIRANAN PRESINT 16**



## **LOKASI**

Dewan BPH Apartment Presint 16

## **TARIKH**

7 Ogos 2016

## **JUMLAH PESERTA**

300 orang dari kalangan komuniti Putrajaya dan warga sekolah.

## **OBJEKTIF PROGRAM**

- Usaha sama PPj dengan komuniti dan sekolah bagi menyemarakkan kesedaran kitar semula
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# PAMERAN

## KITAR SEMULA (3R) SEMPENA SAMBUTAN KEMERDEKAAN DI KEJIRANAN APARTMENT PRESINT 14

### LOKASI

Kejiranan Apartment Presint 14

### TARIKH

3 September 2016

### JUMLAH PESERTA

100 orang

### OBJEKTIF PROGRAM

- Mempromosikan aktiviti kitar semula di Putrajaya dan menerapkan budaya 3R kepada pengunjung selaras dengan Putrajaya sebagai 'Bandar Model Kitar Semula'.
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# PAMERAN DAN KUIZ

## 3R SEMPENA PROGRAM SAMBUTAN KARNIVAL KOMUNITI

### LOKASI

Pusat Kejiranan Presint 11

### TARIKH

5 & 6 November 2016

### JUMLAH PESERTA

2000 orang

### OBJEKTIF PROGRAM

- Mempromosikan program 3R dan aktiviti belian barang kitar semula penduduk.
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# **TAKLIMAT DAN PAMERAN 3R**

## **DI JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)**

### **LOKASI**

Auditorium, Kompleks Jabatan Perdana Menteri

### **TARIKH**

22 Februari 2016

### **JUMLAH PESERTA**

50-100 Orang

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Menggalakkan penglibatan penjawat awam dalam aktiviti 3R.
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Kompleks Kerajaan, Putrajaya dan operasi Pusat Kitar Semula (PKS).



# **TAKLIMAT KESEDARAN 3R**

## **KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKK)**



### **LOKASI**

Bilik Mesyuarat KPDNKK

### **TARIKH**

22 Mac 2016

### **JUMLAH PESERTA**

30 orang

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Menggalakkan penglibatan penjawat awam dalam aktiviti 3R.
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Kompleks Kerajaan, Putrajaya dan operasi Pusat Kitar Semula (PKS).



# **TAKLIMAT DAN PAMERAN 3R**

## **DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)**



### **LOKASI**

Dewam Jamuan Aras Satu KPT

### **TARIKH**

29 Mac 2016

### **JUMLAH PESERTA**

30-40 orang

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Menggalakkan penglibatan penjawat awam dalam aktiviti 3R.
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Kompleks Kerajaan, Putrajaya dan operasi Pusat Kitar Semula (PKS).



# **TAKLIMAT KESEDARAN**

## **& PAMERAN 3R DAN PERASMIAN PROGRAM GO-GREEN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)**

### **LOKASI**

Aras 8, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

### **TARIKH**

14 Oktober 2016

### **JUMLAH PESERTA**

80 orang

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Menggalakkan penglibatan penjawat awam dalam aktiviti 3R serta kerjasama pintar dengan pihak JPA.
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Kompleks Kerajaan, Putrajaya dan operasi Pusat Kitar Semula (PKS).



# **TAKLIMAT DAN PAMERAN 3R**

## **SEKOLAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT 9(1)**

### **LOKASI**

Dataran Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 9(1)

### **TARIKH**

16 Februari 2016

### **JUMLAH PESERTA**

100-200 orang

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Memperkenalkan aktiviti kitar semula di Putrajaya dan Putrajaya sebagai ‘Bandar Model Kitar Semula’.
- Menubuhkan Jawatankuasa Program Sekolah (KitS).
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# TAKLIMAT DAN PAMERAN 3R

## SEKOLAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT 18(1)



### LOKASI

Dewan Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (1)

### TARIKH

21 Mac 2016

### JUMLAH PESERTA

200 orang

### OBJEKTIF PROGRAM

- Memperkenalkan aktiviti kitar semula di Putrajaya dan Putrajaya sebagai 'Bandar Model Kitar Semula'.
- Menubuhkan Jawatankuasa Program Sekolah (KitS).
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# **TAKLIMAT DAN PAMERAN 3R**

## **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT 8(1)**



### **LOKASI**

Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1)

### **TARIKH**

30 Mac 2016

### **JUMLAH PESERTA**

100 orang

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Memperkenalkan aktiviti kitar semula di Putrajaya dan Putrajaya sebagai 'Bandar Model Kitar Semula'.
- Menubuhkan Jawatankuasa Program Sekolah (Kits).
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# TAKLIMAT DAN PAMERAN 3R

## SEKOLAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT 14(1)

### LOKASI

Dewan Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1)

### TARIKH

22 April 2016

### JUMLAH PESERTA

200 orang

### OBJEKTIF PROGRAM

- Memperkenalkan aktiviti kitar semula di Putrajaya dan Putrajaya sebagai 'Bandar Model Kitar Semula'.
- Menubuhkan Jawatankuasa Program Sekolah (KitS).
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# **PROGRAM BERSEPADU**

## **TAKLIMAT DAN PAMERAN 3R BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT 16(1)**

### **LOKASI**

Dewan BPH Apartment Presint 16

### **TARIKH**

7 Ogos 2016

### **JUMLAH PESERTA**

200 orang

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Memperkenalkan aktiviti kitar semula di Putrajaya dan Putrajaya sebagai ‘Bandar Model Kitar Semula’.
- Menubuhkan Jawatankuasa Program Sekolah (KitS).
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# TAKLIMAT DAN PAMERAN 3R

## SEKOLAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT 8(2)



### LOKASI

Dewan Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(2)

### TARIKH

5 Oktober 2016

### JUMLAH PESERTA

100 orang

### OBJEKTIF PROGRAM

- Memperkenalkan aktiviti kitar semula di Putrajaya dan Putrajaya sebagai 'Bandar Model Kitar Semula'.
- Menubuhkan Jawatankuasa Program Sekolah (Kits).
- Memberikan informasi mengenai operasi dan program kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



# **TAKLIMAT DAN PAMERAN 3R**

## **SEKOLAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT 5(1)**



### **LOKASI**

Dewan Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 5(1)

### **TARIKH**

7 Oktober 2016

### **JUMLAH PESERTA**

100 orang

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- Memperkenalkan aktiviti kitar semula di Putrajaya dan Putrajaya sebagai 'Bandar Model Kitar Semula'.
- Menubuhkan Jawatankuasa Program Sekolah (Kits).
